



- | |
|--|
| <p>1. PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT I
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengurusan Projek (*Project Management*) / Pengurusan Strategik (*Strategic Management*) / Penyelarasan Sistem / Ekonomi / Statistik / Kejuruteraan (*Engineering*) atau bidang bersesuaian.

Kelulusan lebih tinggi dalam bidang yang sama adalah kelebihan.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Projek Tingkat II dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT I:

SECARA AM

1. Mengumpulkan data/ maklumat dan menyediakan perangkaan (statistik) berkaitan dengan projek.
2. Menyediakan laporan / kertas kerja yang berkaitan dengan projek.
3. Menyelaras dan menyediakan cadangan-cadangan projek Jabatan dan yang melibatkan Jabatan.
4. Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja.
5. Menilai kedudukan-kedudukan projek dan membuat laporan.



**DI DIVISYEN SAINS DAN TEKNOLOGI, PENYELIDIKAN DAN ANTARABANGSA
(KEMENTERIAN PEMBANGUNAN):**

1. Membantu dalam menyusun dasar-dasar dan strategi-strategi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan serta memantau pelaksanaannya.
2. Membantu dalam menyelaraskan pelaksanaan projek-projek berkaitan Sains dan Teknologi.
3. Menyelaraskan dalam menganjurkan bengkel-bengkel berkaitan dengan pelan strategik Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
4. Membantu divisyen dalam mengurus, mengemaskinikan dan mengumpulkan data-data ke dalam sistem pengkalan data.
5. Menguruskan logistik bagi pegawai-pegawai di divisyen Penyelarasan Polisi dan Pelan Strategik yang akan menghadiri mesyuarat / kursus di luar dan dalam negeri.
6. Membuat dan melaksanakan tugas-tugas dan arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa.